



PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
PEKELILING PERBENDAHARAAN NEGERI SELANGOR
BIL. 7 TAHUN 2014

Semua Jabatan Kerajaan Negeri,
Semua Badan Berkanun Kerajaan Negeri,
Semua Pihak Berkuasa Tempatan,
Semua Pejabat Daerah / Tanah,
Selangor Darul Ehsan.

DASAR PENILAIAN PEROLEHAN SECARA SISTEM *CUT-OFF*

1.0 TUJUAN

Pekeliling ini bertujuan untuk memaklumkan kepada Pegawai Pengawal dan Ketua Jabatan mengenai pindaan dasar perolehan Kerajaan Negeri Selangor daripada sistem harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal kepada Sistem *Cut-Off* iaitu satu tanda aras harga sebut harga dan tender yang diperolehi melalui formula statistik bagi mendapatkan harga yang munasabah.

2.0 LATAR BELAKANG

- 2.1 Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-45/2014 yang bersidang pada 19 November 2014 telah bersetuju agar dasar perolehan semasa iaitu dasar harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal dikaji semula oleh pihak Perbendaharaan Negeri Selangor.
- 2.2 Pada asasnya, Majlis Mesyuarat Kerajaan Negeri (MMKN) Ke-8/2014 yang bersidang pada 26 Februari 2014 telah bersetuju melaksanakan dasar harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal bagi semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di peringkat jabatan/agensi Negeri Selangor.
- 2.3 Justeru, satu (1) Surat Arahan Perbendaharaan rujukan PWN.Sel.(PPA)(S) 002/33 Jld. 18 (34) bertarikh 14 Mac 2014 telah diedarkan di mana semua jabatan hendaklah memastikan pelantikan kontraktor di buat berdasarkan harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal bagi semua perolehan bekalan, perkhidmatan dan kerja di peringkat jabatan/agensi Negeri Selangor.
- 2.4 Dasar tersebut telah diperkenalkan bagi mencapai objektif berikut:-
 - a. Memastikan setiap ringgit yang dibelanjakan memperoleh nilai yang terbaik dan menguntungkan kerajaan (*Value for Money*);
 - b. Mengelakkan aktiviti melobi projek-projek Kerajaan dengan cara menetapkan harga terendah sebagai merit tanpa menyetepikan kelayakan teknikal dalam pemilihan pembekal/kontraktor;
 - c. Mengelakkan manipulasi orang tengah dan sebaliknya menggalakkan penyertaan *Owner-Operator* atau pemilik sebenar perniagaan dalam projek-projek Kerajaan Negeri.

2.5 Sungguhpun begitu, dasar harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal tersebut didapati mempunyai beberapa kelemahan seperti berikut:-

2.5.1 Wujud penjejasan terhadap kualiti kerja, bekalan dan perkhidmatan yang diterima serta kontraktor menarik diri sebelum memasuki tapak terutama dalam kes harga yang berjaya terlalu rendah dari Anggaran Jabatan (AJ);

2.5.2 Wujud projek yang bermasalah dan terpaksa ditender semula apabila kontraktor asal gagal melaksanakan projek dan ditamatkan.

3.0 CADANGAN PINDAAN TERHADAP DASAR PEROLEHAN NEGERI SELANGOR

3.1 PELAKSANAAN SISTEM *CUT-OFF*

3.1.1 Pada masa ini, kaedah penilaian alternatif selain harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal adalah pelaksanaan sistem *Cut-Off* yang diamalkan oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Malaysia.

3.1.2 Kaedah ini telah digunapakai oleh JKR Malaysia sejak dari tahun 2004 bagi menentukan paras harga tender yang munasabah untuk diperakukan. Kaedah ini adalah telus kerana penentuan kemunasabahan harga berdasarkan kaedah statistik harga pasaran kontraktor yang memasuki sebut harga dan tender setelah tempoh iklan ditutup. Harga yang didapati sangat rendah atau sangat tinggi dan berada di luar julat munasabah harga akan terkeluar dari penilaian dan dianggap "FREAK".

3.1.3 Penilaian harga dalam sistem *Cut-Off* dibuat dengan matlamat **memperakukan harga yang terhampir dengan harga *Cut-Off*** kerana menggunakan konsep harga yang berjaya mestilah harga yang paling mampu untuk melaksanakan projek.

3.2 PENYEBUT HARGA DAN PETENDER YANG LAYAK DALAM SISTEM *CUT-OFF*

3.2.1 Penetapan harga *Cut-Off* dibuat menggunakan formula berikut:-

Adjusted Mean – 15% dari Adjusted Mean

ATAU

Adjusted Mean – Stdev (Standard Deviation)

(Yang Mana Tertinggi)

* Butiran terperinci tatacara pengiraan *Cut-Off* adalah seperti di Lampiran A.

3.2.2 Harga *Cut-Off* adalah paras harga terendah yang dianggap munasabah untuk diperakukan. Harga tender yang lebih rendah daripada Harga *Cut-Off* dianggap sebagai terlampau rendah dan tidak menjamin kejayaan petender melaksanakan projek.

3.2.3 Sistem *Cut-Off* menyenarai pendek harga bidaan yang didapati berada dalam julat **-15.99%, lebih rendah dari harga '*adjusted mean*'**. Seterusnya, harga terhampir kepada harga *Cut-Off* dan lulus semua peringkat penilaian akan disyor sebagai harga yang mampu melaksanakan projek dan menguntungkan kerajaan.

3.2.4 Harga '*mean*' diperolehi dengan membuat kiraan purata kesemua harga yang dikemukakan termasuk Anggaran Jabatan (AJ) bagi perolehan tersebut.

3.2.5 Kadar harga yang didapati melebihi julat 15.99%, dan sifatnya sangat tinggi atau sangat rendah dari *adjusted mean* dianggap lari dari polar harga dan tidak akan dinilai.

3.3 PENYEBUT HARGA DAN PETENDER YANG LAYAK DINILAI DALAM SISTEM *CUT-OFF* DIUBAHSUAI

3.3.1 Memandangkan projek yang diurus secara sebut harga dan tender bagi Negeri Selangor tidak sebesar nilai yang diurus di peringkat Persekutuan, pelaksanaan sistem *Cut-Off* ini boleh diadaptasi dengan sedikit **ubahsuai**.

3.3.2 Pengubahsuaian yang dimaksudkan adalah masih memasukkan elemen '*Value for Money*' dan menetapkan perkara berikut:-

- a. Harga yang boleh dinilai dan disenarai pendek adalah harga yang didapati **tidak lebih rendah dari -20% *Adjusted Mean* Kerja Pembina (BWAM);**
- b. Manakala, pembida yang boleh disenarai pendek dan layak dinilai adalah sekurang-kurangnya sepuluh (10) pembida yang menawarkan harga sebut harga /tender lebih tinggi bermula -20% ***Adjusted Mean* Kerja Pembina (BWAM);**
- c. **Harga *Cut-Off* ditetapkan** sebagai panduan sahaja;
- d. Harga yang layak dan disyorkan pula adalah **harga yang terendah dari kalangan mereka yang telah disenarai pendek dengan syarat lulus semua peringkat penilaian yang berkenaan.**

3.3.3 Cadangan ini dibuat supaya Kerajaan Negeri dapat mengekalkan aspek “ *Value for Money* ” dalam setiap perolehan tanpa menyetepikan aspek integriti dalam pemilihan pembekal/kontraktor yang berjaya.

3.4 PERINGKAT PENILAIAN MENGIKUT HAD NILAI DALAM SISTEM *CUT-OFF* DIUBAHSUAI (*MODIFIED CUT-OFF SYSTEM*)

3.4.1 Walaupun penilaian harga akan menggunakan Sistem *Cut-Off* Diubahsuai, penilaian teknikal masih lagi dianggap penting dalam menentukan pembekal/kontraktor yang layak. Oleh yang demikian, Jabatan/Agensi dikehendaki membuat penilaian teknikal bagi menentukan pembida yang berjaya.

3.4.2 Oleh kerana asas harga adalah penting dan menentukan hala tuju penilaian, penilaian teknikal tidak perlu dibuat terhadap harga-harga yang lebih rendah dari -20% ***Adjusted Mean Kerja Pembina (BWAM)***. Ini bagi membantu Jabatan/Agensi menjimatkan masa membuat penilaian melainkan dalam keadaan tidak ramai yang menyertai proses sebut harga dan tender atau pembida yang disenarai pendek didapati tiada yang berjaya setelah melalui penilaian teknikal;

3.4.3 Perakuan Penilaian Sebut Harga Dan Tender Bagi Projek Dengan Anggaran Jabatan (AJ) Tidak Melebihi RM 20 juta:-

a. Penilaian Peringkat Pertama

Tujuan penilaian adalah memastikan pembida sama ada bagi sebut harga atau tender yang dipertimbangkan adalah munasabah, sempurna, lengkap, mempunyai modal asas dan rekod prestasi yang baik. Justeru, perkara-perkara yang dinilai adalah:-

i. **Kesempurnaan sebut harga / tender**

Borang sebut harga dan tender ditandatangani, pendaftaran syarikat dengan Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Kementerian Kewangan (Mof), CIDB (perolehan kerja sahaja) dan lain-lain Sijil Perolehan Kerajaan masih sah serta syarat asas dipatuhi.

ii. **Analisa Kecukupan Dokumen**

Mengemukakan semua dokumen yang diperlukan seperti arahan dalam dokumen sebut harga dan tender seperti contoh penyata bank dan *balance sheet* yang sah termasuk laporan kewangan (jika berkaitan).

iii. **Analisa Kecukupan Modal**

Mengesahkan bahawa pembida yang layak mempunyai modal minima iaitu 3% dari Anggaran Jabatan (AJ). Dokumen yang membuktikan maklumat ke atas modal adalah seperti mana amalan Jabatan Kerja Raya (JKR) sedia ada.

iv. **Analisa Prestasi Semasa**

Mengesahkan prestasi kedudukan projek dalam tangan atau projek-projek terdahulu (sekiranya ada).

3.4.4 Perakuan Penilaian Tender Bagi Projek Dengan Anggaran Jabatan (AJ) RM 20 juta dan ke atas.

- i. Penilaian peringkat kedua dibuat bagi kesemua pembida yang lulus penilaian peringkat pertama untuk **perolehan yang diurus secara tender sahaja dan nilai projek melebihi RM 20 juta.**

- ii. Tujuan penilaian pada peringkat ini adalah untuk memastikan pembida layak tetapi mempunyai **beban kerja dalam tangan** yang besar adalah benar-benar berkemampuan dan mempunyai modal yang mencukupi sekiranya ia berjaya dipilih.
- iii. Aspek kewangan yang diteliti adalah memastikan modal minima adalah mencukupi untuk membiayai projek baru dan projek dalam tangan sedia ada.
- iv. Manakala aspek teknikal yang diteliti adalah pengalaman kerja dalam bidang yang serupa dan sebanding, senarai kakitangan teknikal serta berpengalaman, peralatan serta loji yang dimiliki. Maklumat ke atas aspek teknikal adalah seperti mana amalan JKR sedia ada.
- v. Pembekal/kontraktor yang lulus semua syarat akan disyor untuk dipilih oleh Mesyuarat Lembaga Tender Negeri/Agensi.

4.0 BORANG-BORANG PENILAIAN

- 4.1 Jabatan/Agensi masih boleh menggunakan format Borang Penilaian Semasa yang digunapakai seperti amalan sedia ada Jabatan Kerja Raya (JKR).

5.0 SYARAT-SYARAT PENGESYORAN

Jabatan diminta memastikan perkara-perkara berikut dipatuhi sebelum membawa pengesyoran untuk diputuskan oleh Jawatankuasa Sebut Harga atau Lembaga Perolehan Negeri/Agensi :-

- 5.1 Pengesyoran terhadap harga yang layak dan diperaku hendaklah mematuhi merit dan dasar penilaian perolehan yang digariskan dalam Sistem *Cut-Off* Diubahsuai;
- 5.2 Sebut harga dan tender masih lagi dalam tempoh sah;
- 5.3 Harga-harga yang tidak layak atau tidak disyorkan hendaklah disenaraikan dan dibuat catatan sebab-sebab ia tidak layak disyorkan;
- 5.4 Borang-borang berkaitan ditandatangani oleh ahli Jawatankuasa Penilaian Teknikal dan Jawatankuasa Penilaian Harga yang dilantik.

6.0 PENGECUALIAN

- 6.1 Sistem *Cut-Off* Diubahsuai ini tidak perlu digunakan dalam situasi berikut:-
 - a. Projek yang diurus secara Reka & Bina (*Design & Build*);
 - b. Bilangan pembida yang memasuki tender atau sebut harga adalah kurang dari sepuluh (10) atau sebut harga/tender yang disertai lebih dari 10 pembida tetapi menjadi kurang dari 10 setelah proses senarai pendek dilaksanakan. Dalam keadaan ini, memadai perbandingan harga tawaran dibuat berbanding Anggaran Jabatan (AJ) sahaja; DAN
 - c. Sebut harga dan tender yang telah diluluskan untuk dipelawa secara terhad.

- 6.2 Di dalam keadaan yang dinyatakan di atas, dasar harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal adalah masih terpakai.
- 6.3 Jabatan/agensi diminta untuk mendapatkan pengecualian daripada melaksanakan mana-mana peraturan perolehan seperti yang terkandung dalam Pekeliling ini dan peraturan semasa yang berkuatkuasa terlebih dahulu dengan cara memohon secara bertulis bagi mendapatkan kelulusan Pegawai Kewangan Negeri mengikut Arahan Perbendaharaan 168.


7.0 KUATKUASA

Pekeliling ini mula berkuat kuasa bagi semua sebut harga dan tender yang ditutup mulai 1 Januari 2015. Sehubungan dengan itu, Surat Arahan Perbendaharaan dengan rujukan **PWN.Sel.(PPA)(S) 002/33 Jld. 18 (34) bertarikh 14 Mac 2014** adalah **dibatalkan**.

Sekian, terima kasih.

"BERKHIDMAT UNTUK NEGARA"

Saya yang menurut perintah,


(DATO' NOORDIN BIN SULAIMAN)
D.P.M.S., S.I.S.
Pegawai Kewangan Negeri Selangor
Selangor Darul Ehsan.

Tarikh : **29** Disember 2014

Salinan kepada :

Y.A.B. Dato' Menteri Besar Selangor

Y.B. Setiausaha Kerajaan Negeri Selangor

Y.B. Penasihat Undang-Undang Negeri Selangor

TATACARA PENGIRAAN HARGA 'CUT-OFF'

1.0 Pengiraan Harga 'Cut-Off' adalah berdasarkan formula berikut:-

'Adjusted Mean – 15% Adjusted Mean'

atau

'Adjusted Mean – Stdev'

yang mana lebih tinggi dari formula pengiraan di atas dan dalam sebarang keadaan harga 'Cut-Off' hendaklah tidak lebih tinggi dari nilai Anggaran Jabatan (AJ).

Di mana :-

- a) **Anggaran Jabatan** adalah anggaran jabatan yang terakhir yang dimasukkan di dalam peti tender/sebut harga sebelum tender/sebut harga ditutup.
- b) **'Adjusted Mean'** adalah :-
 - i. **'Mean'** sekiranya **AJ** kurang dari nilai **'Mean'**
 - ii. **Purata** di antara **'Mean'** dan **AJ** sekiranya **AJ** lebih tinggi dari **'Mean'**
- c) **'Mean'** adalah purata bagi kesemua harga-harga tender / sebut harga yang diterima dan boleh diambilkira termasuk AJ (sebagai salah satu dari harga tender/sebut harga) iaitu:-

$$\Sigma X/N$$

- d) **'Stdev'** adalah **'Standard Deviation'** bagi kesemua harga-harga tender/sebut harga yang diterima dan boleh diambilkira termasuk AJ iaitu:-

$$\sqrt{\frac{N\Sigma X^2 - (\Sigma X)^2}{N^2}}$$

Di mana:-

- X = Harga-harga Tender /Sebut Harga dan AJ
- N = Bilangan Tender / Sebut Harga + (AJ)

2.0 Semakan Harga 'Freak'

Sebarang harga tender /sebut harga yang dianggap 'freak' hendaklah dikeluarkan daripada pengiraan. Untuk tujuan ini, adalah diputuskan bahawa sesuatu Harga Tender atau AJ hendaklah dikira sebagai 'freak' sekiranya ;

$$X - \text{'Mean'} > 2.33 \text{ kali 'Stdev' (Z-score} > 2.33)$$

Atau

$$X - \text{'Mean'} < -2.33 \text{ kali 'Stdev' (Z-score} < -2.33)$$

3.0 Pengiraan Berdasarkan Nilai Kerja Pembina

Semua pengiraan harga 'Cut-Off' dan pengiraan status perbandingan harga adalah berdasarkan harga kerja Pembina.

LAMPIRAN B

KERTAS PERAKUAN TENDER

LEMBAGA TENDER JABATAN KERJA RAYA

JADUAL TENDER

(Mengikut Susunan Harga Tender Asal)

Tender : **KERJA-KERJA 'MILL & PAVE' DI PERSIARAN JAMBU AIR, TAMAN SELATAN DAN MENAIKTARAF PERSIMPANGAN BUNGA CHEMPAKA SERTA KERJA-KERJA YANG BERKAITAN**

BIL.	NO. RUJ	NAMA PETENDER	KELAS	TARAF	HARGA (RM)	% ** BWAM	TPH SIAP (MINGGU)
1	18/29		G5	BP	2,623,158.00	-22.16%	8
2	1/29		G5	BP	2,625,920.00	-22.08%	8
3	3/29		G5	BP	2,694,390.00	-20.04%	8
4	28/29		G5	BP	2,889,550.00	-14.25%	8
5	11/29		G5	BP	2,898,880.00	-13.98%	12
6	29/29		G5	BP	2,983,850.00	-11.46%	8
7	14/29		G5	BP	3,072,342.00	-8.83%	16
8	9/29		G5	BP	3,095,800.00	-8.13%	14
9	17/29		G5	BP	3,100,920.00	-7.98%	8
10	8/29		G5	BP	3,223,100.00	-4.36%	9
11	12/29		G5	BP	3,248,010.00	-3.62%	8
12	22/29		G5	BP	3,282,037.00	-2.61%	18
13	7/29		G5	BP	3,296,666.00	-2.17%	4
14	20/29		G5	BP	3,308,550.00	-1.82%	18
15	13/29		G5	BP	3,313,100.00	-1.68%	9
16	16/29		G5	BP	3,325,555.00	-1.31%	4
17	6/29		G5	BP	3,329,349.00	-1.20%	12
18	27/29		G5	BP	3,337,777.00	0.95%	4
19	10/29		G5	BP	3,373,058.00	0.09%	5
20	2/29		G5	BP	3,391,970.00	0.66%	5
21	5/29		G5	BP	3,422,640.00	1.57%	10
22	4/29		G5	BP	3,427,160.00	1.70%	10
-	-	ANGGARAN JABATAN	-	-	3,462,060.00	2.74%	-
23	21/29		G5	BP	3,464,070.00	2.80%	18
24	26/29		G5	BP	3,566,460.00	5.83%	9
25	23/29		G5	BP	3,582,220.00	6.30%	18
26	15/29		G5	BP	3,595,970.00	6.71%	24
27	19/29		G5	BP	3,726,340.00	10.58%	18
28	25/29		G5	BP	3,775,344.00	12.03%	18
29	24/29		G5	BP	3,894,070.00	15.56%	18

** Berbanding dengan Adjusted Mean Kerja Pembina (BWAM)

Nota:

a) Sepuluh pembida yang layak dan boleh disenarai pendek untuk penilaian teknikal adalah :-

28/29, 11/29, 29/29, 14/29, 9/29, 17/29, 8/29, 12/29, 22/29, 7/29

b) Harga 'Cut-Off' ditunjukkan pada garisan di antara 29/29 dan 14/29, sebagai panduan sahaja.

c) Bagi memudahkan penilaian teknikal, harga yang lebih rendah dari -20% BWAM, iaitu **3/29, 1/29 dan 18/29** tidak perlu disenarai pendek.

- a) Contoh bagi kes di mana bilangan pembida yang layak disenarai pendek kurang dari sepuluh (10).
Perbandingan akan dibuat dengan Anggaran Jabatan dan penilaian secara harga terendah setelah melewati penilaian teknikal akan digunakan.

KERTAS PERAKUAN TENDER

LEMBAGA TENDER JABATAN KERJA RAYA

JADUAL TENDER

(Mengikut Susunan Harga Tender Asal)

Tender : CADANGAN MENAIKTARAF, UBAHSUAI DAN BAIKPULIH SEKOLAH AGAMA MENENGAH
BAGAN TERAP, DAERAH SABAK BERNAM, SELANGOR DARUL EHSAN

BIL.	NO. RUJ	NAMA PETENDER	KELAS	TARAF	HARGA (RM)	% ** BWAM	% *** AJ	TPH SIAP (MINGGU)
1	12/19		G5	BP	3,268,400.00	-55.89%	-19.89%	78
2	14/19		G5	BP	3,293,655.00	-54.05%	-19.27%	78
3	2/19		G5	BP	3,425,350.00	-44.46%	-16.05%	40
4	18/19		G5	BP	3,460,500.00	-41.90%	-15.18%	30
5	17/19		G5	BP	3,487,899.20	-39.90%	-14.52%	48
6	13/19		G5	BP	3,515,220.00	-37.92%	-13.85%	72
7	16/19		G5	BP	3,683,371.26	-25.67%	-9.73%	60
8	8/19		G5	BP	3,788,200.00	-18.04%	-7.16%	24
9	5/19		G5	BP	3,872,720.00	-11.89%	-5.08%	78
-	-	ANGGARAN JABATAN	-	-	4,080,000.00	3.21%	0.00%	-
10	1/19		G5	BP	4,086,786.00	3.70%	0.17%	78
11	19/19		G5	BP	4,300,000.00	19.23%	5.40%	52
12	6/19		G5	BP	4,302,039.00	19.37%	5.45%	78
13	7/19		G5	BP	4,302,309.00	19.37%	5.45%	78
14	3/19		G5	BP	4,315,654.00	20.37%	5.78%	78
15	11/19		G5	BP	4,359,750.00	23.58%	6.86%	66
16	4/19		G5	BP	4,403,340.00	26.75%	7.93%	65
17	15/19		G5	BP	4,546,700.00	37.19%	11.44%	70
18	10/19		G5	BP	4,644,400.00	44.30%	13.84%	72
19	9/19		G5	BP	4,702,250.00	48.51%	15.26%	78

** Berbanding dengan Adjusted Mean Kerja Pembina

*** Berbanding dengan Anggaran Jabatan (AJ)

Nota:

- a) Contoh bagi kes di mana bilangan pembida yang layak disenarai pendek adalah kurang dari sepuluh jika dibuat perbandingan dengan Adjusted Mean Kerja Pembina.
- b) Dalam kes ini, proses penilaian akan menggunakan dasar harga terendah setelah melepasi penilaian teknikal di mana perbandingan harga pembida akan dibuat dengan Anggaran Jabatan (AJ).